



**TEKS UCAPAN
YBRS TUAN SHAHMAN BIN JALALUDIN**

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL.6/2024**

**26 JUN 2024 | RABU
10.00 PAGI | BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi
Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormatkan Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha, Tuan Haji Az'har bin Samsuri
Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,
Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,
Pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS Bil.6/2024 bagi bulan Jun pada pagi yang berbahagia ini.

1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 1.1 Untuk makluman, sehingga 31 Mei 2024, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2024 sebanyak RM 54.11 juta (92.49%) daripada RM 58.5 juta.
 - 1.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 5.25 juta (49.13%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 10.68 juta.
 - 1.3 MPS telah memproses waran bermula 15 April 2024, iaitu setelah tamat notis (Borang E). Waran tahanan sebanyak RM100.00 diproses bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM200.00 ke atas. Sehingga 31 Mei 2024 waran sebanyak 25,598 telah diproses dan sebanyak 18,796 waran telah dihantar.

2. MEMPERBAHARUI DAN MEMBAYAR LESEN PERNIAGAAN, SEWAAN GERAI, PERMIT BANGUNAN SERTA PERANCANG DI PORTAL MYMPS

- 2.1 MPS juga telah menaiktaraf portal mymps.mps.gov.my bagi peniaga-peniaga memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai dan permit bangunan, kompaun, cagaran dan pelbagai. Di samping itu, orang awam juga boleh membuat semakan dan bayaran kompaun di portal tersebut. Jumlah kutipan yang diterima pada bulan Mei 2024 adalah seperti berikut:
- 2.2 Jumlah kutipan yang diterima pada bulan **Mei 2024** adalah seperti berikut:
- Lesen perniagaan sebanyak RM 161,716.47 – 204 transaksi
 - Sewaan gerai sebanyak RM 287,515.00 – 832 transaksi
 - Permit bangunan dan perancang sebanyak RM 47,642.00 - 11 transaksi
 - Kompaun sebanyak RM 58,040.00 - 467 transaksi
 - Cagaran sebanyak RM 5,880.00 - 2 transaksi
 - Pelbagai sebanyak RM7,317.60 - 8 transaksi

3. PELAKSANAAN SENARAI NILAIAN BAHARU MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

- 3.1. Seperti yang semua sedia maklum, MPS telah mengeluarkan Notis Menyemak Senarai Nilaian Baharu selaras dengan Seksyen 141, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) pada 1 April 2024 kepada semua pemilik pegangan di bawah kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang.
- 3.2. Notis ini merupakan notis pemberitahuan nilai semula cukai taksiran selepas 32 tahun MPS menggunakan aras nilai “*tone of the list*” Tahun 1992. Nilaian semula cukai taksiran ini menggunakan nilai tahun semasa dan kadar cukai taksiran sedia ada di turunkan kepada kadar yang lebih rendah bagi mengimbangi nilai yang munasabah.
- 3.3. Sehingga 31 Mei 2024, bantahan yang diterima adalah sebanyak 44,029 akaun dan bantahan lewat yang diterima selepas 31 Mei 2024 adalah sebanyak 1,712 akaun.

- 3.4. Untuk makluman semua, MPS akan mengadakan Sesi Pendengaran Bantahan Senarai Nilaian Baharu MPS ini dalam tempoh 2 bulan bermula **1 Julai 2024 sehingga 30 Ogos 2024** ini.
- 3.5 MPS juga telah menghantar notis pemakluman bantahan secara berperingkat melalui emel dan sms yang didaftarkan bermula 25 Jun 2024 kepada semua pembantah.
- 3.6 Jadual tarikh, lokasi bantahan dan kawasan terlibat juga telah dimuat naik di portal MPS untuk rujukan. Jadi kepada orang ramai yang terlibat boleh membuat semakan dan menghubungi pihak MPS jika terdapat sebarang pertanyaan.

4. PELAKSANAAN PRA PENGAUDITAN STAR RATING

- 4.1 Di kesempatan ini saya ingin maklumkan bahawa MPS akan menghadapi Lawatan Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2024 pada 21 Ogos 2024.

- 4.2 Tujuan pengauditan ini dijalankan adalah bagi memastikan penarafan 5 bintang MPS dapat dikelakkan.
- 4.3 MPS telah melaksanakan Pra-Pengauditan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2024 ini pada 24 dan 25 Jun 2024. Pengauditan ini dilaksanakan dengan menyemak setiap soalan yang dikemukakan berdasarkan indikator yang telah ditetapkan oleh KPKT.
- 4.4 Saya menyeru kepada setiap jabatan untuk membuat persediaan sebelum kedatangan Pasukan Audit Star Rating dari KPKT. Terima kasih atas kerjasama yang diberikan semasa sesi pra audit yang telah dijalankan.

5. MESUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN (JKSTP) DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 2030 (PENGUBAHAN 1)

- 5.1 MPS akan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran (JKSTP) Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang

2030 (Pengubahan 1) pada 28 Jun 2024 di Setia Eco Templer.

- 5.2 Untuk makluman, Mesyuarat JKSTP ini merupakan proses yang perlu dilakukan selepas program Publisiti dan Bantahan Awam dilaksanakan.
- 5.3 Selepas mesyuarat JKSTP ini, hasil siasatan dan syor akan diangkat kepada Jawatankuasa Perancang Negeri bersama draf Rancangan Tempatan yang telah dipinda berdasarkan syor JKSTP.
- 5.4 Saya berharap dengan adanya sesi Mesyuarat JKSTP ini ianya mampu memberi perubahan yang positif kepada penduduk Selayang dalam perancangan yang lebih inklusif dan mampan serta membantu dalam penyediaan Draf Rancangan Tempatan MPS 2030 InshaAllah..

6. MINI KARNIVAL JOM KERJA PERKESO DAN MPS 2.0

- 6.1 Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS akan mengadakan Program Mini Karnival Jom Kerja dan MPS 2.0 pada 6 Julai 2024 di Lobi Menara MPS bermula jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang.

Penganjuran ini merupakan penganjuran kali kedua PERKESO bersama MPS di mana pada tahun 2023 lebih 300 pencari kerja telah hadir dan 59 orang telah ditawarkan pekerjaan.

- 6.2 Saya dimaklumkan kali ini pihak PERKESO akan melibatkan 10 majikan untuk menyertai mini karnival ini. Selain aktiviti temuduga, pihak PERKESO juga akan membuka kaunter Klinik Resume, Kaunseling dan MyfutureJobs bagi mendedahkan kepada belia yang hadir tentang skil kemahiran yang memerlukan tenaga kerja pada masa kini.
- 6.4 Program ini membuka peluang keemasan kepada para graduan untuk membina rangkaian disamping mencari peluang pekerjaan. Ambil peluang ini untuk mendapatkan seberapa banyak informasi tentang peluang pekerjaan. Saya harap semua ahli majlis dapat mewar-warkan berkaitan program ini kepada penduduk setempat untuk tidak melepaskan peluang ini.

Itu sahaja daripada saya. Sekian, Wabillahittaufiq Walhidayah
Wasallamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.